

26 JUL 2003

Mahathir-Projek

DR MAHATHIR TINJAU PROJEK PEMBANGUNAN LANGKAWI

LANGKAWI, 26 Julai (Bernama) -- Walaupun tinggal tempoh kira-kira tiga bulan sahaja lagi untuk bersara, namun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus menunjukkan minat dan komitmen terhadap pembangunan pulau pelancongan ini dengan meninjau beberapa projek pelancongan yang sedang dilaksanakan.

Dr Mahathir tiba di sini pada pukul 2 petang tadi sempena lawatan kerja Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra esok.

Dr Mahathir sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi terus ke Awana Porto Malai di mana beliau menaiki sebuah kapal mengelilingi Pulau Langkawi selama kira-kira dua jam.

Perdana Menteri yang diiringi oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zin kemudian memandu sendiri sebuah kenderaan pacuan empat roda melawat beberapa projek pembangunan.

Antara projek yang dilawati ialah projek udang harimau di Bukit Malut dan pembinaan Fasa Kedua Galeri Perdana sebelum melawat Tanjung Rhu di mana projek pembinaan hotel milik Penerbangan Malaysia (MAS) sedang dilaksanakan.

Perdana Menteri mengakhiri tinjauan beliau dengan melawat projek Harbour Park dan Marina di Pantai Kok sebelum beristirahat di Hotel Andaman di Teluk Datai.

Hotel itu merupakan tempat berlangsungnya perbincangan tahunan antara Dr Mahathir dan Thaksin sempena lawatan pemimpin Thailand itu esok.

Dr Mahathir juga dijadual berucap merasmikan Dialog Teknologi dan Perkongsian Perniagaan Malaysia-Thailand di sini yang akan berlangsung selama dua hari mulai esok.

-- BERNAMA

ZS MAN SNS PR